



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 28 DISEMBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Selesai isu bekalan diesel 48 jam

Beberapa stesen minyak Petronas di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak mengalami kehabisan stok bekalan diesel disebabkan masalah kehabisan kuota berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada biasa. Sehubungan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali memberi jaminan Petronas akan menghantar bekalan tambahan kepada semua stesen yang terjejas dalam tempoh 24 hingga 48 jam.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 3



# Permintaan lebih tinggi punca bekalan diesel habis

**KPDN jamin PETRONAS hantar stok tambahan kepada semua stesen terjejas**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Isu beberapa stesen PETRONAS di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak berdepan kehabisan stok bekalan diesel berlaku disebabkan masalah kehabisan kuota akibat permintaan yang lebih tinggi daripada biasa.

Menjelaskan mengenainya, Presiden Persatuan Pengusaha-Pengguna Stesen Minyak Malaysia (PDAM), Datuk Khairul Anuar Abdul Aziz, berkata kuota minyak diesel ditetapkan oleh kerajaan sebagai pihak yang menanggung subsidi.

"Setiap syarikat minyak ada kuota sendiri, selepas itu, kuota berkenaan dibahagikan kepada

depon, stesen dan lain-lain. Ada syarikat minyak yang habis kuota cepat dan lewat, kuota ini diberikan setiap bulan.

"Baru-baru ini, kami ada berjumpa dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan mereka memaklumkan bekalan mungkin tak cukup sehingga hujung tahun.

"Ini dipercayai disebabkan permintaan yang lebih tinggi daripada biasa," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas ketika dinya punca beberapa stesen PETRONAS di seluruh negara berdepan kehabisan stok bekalan diesel.

Terdahulu, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) mengakui beberapa stesennya di seluruh negara berdepan kehabisan stok bekalan diesel.

PDB menerusi kenyataan, memaklumkan perkara itu dijangka berterusan sehingga 31 Disember ini.



Khairul Anuar  
Abdul Aziz

"PDB ingin memaklumkan bahawa beberapa stesen PETRONAS di seluruh negara sedang menghadapi kehabisan stok diesel. Isu ini dijangka berterusan sehingga 31 Disember 2023," katanya.

Justeru, PDB memohon maaf di atas sebarang kesulitan dihadapi selain memberi jaminan sedang

bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi meminimumkan gangguan berkenaan.

"Untuk bantuan atau maklumat lanjut, sila hubungi MesraLink di talian 1300888181. Terima kasih atas kesabaran dan kerjasama anda," katanya.

#### Isu sudah diselesaikan

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata isu berkenaan sudah diselesaikan selepas perbincangan antara kementeriannya, Kementerian Kewangan dan syarikat berkenaan serta memberi jaminan PETRONAS



Pemandu lori mengisi diesel ketika tinjauan di stesen PETRONAS Solaris, Serdang, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

akan menghantar bekalan tambahan kepada semua stesen yang terjejas dalam tempoh 24 hingga 48 jam.

"Isu sudah diselesaikan dengan PETRONAS. PETRONAS akan menghantar bekalan paling cepat dalam tempoh 24 hingga 48 jam.

"Isu baharu sahaja diselesaikan hari ini (semalam), KPDN sudah berhubung dengan PETRONAS, malah saya sendiri bercakap dengan pengurusan PETRONAS," katanya kepada BH.

Armizan berkata, PETRONAS juga disyaratkan untuk mengemukakan senarai stesen minyak yang terbabit dengan pengitaran bekalan tambahan untuk membolehkan pemantauan dibuat secara menyeluruh.

Ditanya sama ada syarikat minyak lain turut terjejas, beliau sekadar berkata tidak serius.

Dalam pada itu, Pengurus DAP Sarawak, Chong Chieng Jen dilaporkan berkata, kekurangan bekalan diesel bersubsidi di negeri itu berlaku sejak dua minggu lalu.

Katanya, kegiatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang menggunakan diesel bersubsidi untuk tujuan industri menyebabkan kuota untuk kegunaan orang ramai di negeri itu tidak mencukupi.

Pejabat KPDN Sarawak dalam kenyataan kelmarin menyatakan pengguna untuk mendapatkan bekalan minyak diesel di stesen minyak Shell atau Petros (syarikat minyak dan gas milik Sarawak).

## Bekalan makanan di Terengganu tidak terjejas

**KUALA BERANG** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Terengganu memberi jaminan bekalan makanan di negeri itu tidak terjejas akibat banjir.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, KPDN sebelum ini telah melantik pemborong dan peruncit terpilih di daerah yang diberikan kebenaran untuk menambah stok bekalan melebihi 30 peratus daripada had simpanan lesen.

"Kebenaran itu diberikan KPDN supaya bekalan makanan sentiasa men-

cukupi terutama di kawasan terlilit banjir. Setakat ini, kita belum terima laporan bekalan makanan terjejas di Terengganu akibat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan paket makanan (*Food Bank*) kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Menerong di sini pada Rabu.

Saharuddin berkata, sukarelawan yang ingin menghulurkan bantuan barang makanan dan keperluan asas

kepada mangsa banjir dinasihatkan supaya mendapatkan stok bekalan dari luar kawasan terjejas banjir.

"Kita risau kalau bekalan untuk bantuan diambil dari kawasan terjejas banjir, ia akan mengganggu keperluan penduduk sekitar."

"Disarankan juga untuk buat semakan dengan sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri terlebih dahulu untuk pastikan barang yang dipertreka di PPS, sebab kita tidak mahu terjadinya lambakan barang makanan di PPS," jelasnya. - Bernama



Saharuddin (tiga dari kanan) menyerahkan sumbangan makanan kepada mangsa banjir di PPS SMK Menerong. Ajil pada Rabu.



PIC BY HAZREEN MOHAMAD

# DIESEL DISTRESS

THE Petrol Dealers Association of Malaysia cautions consumers to brace for diesel shortages from next week.

The warning comes after Petronas Dagangan Bhd's announcement that some of its stations will experience supply issues until Sunday. The Domestic Trade and Cost of Living Ministry, meanwhile, pledges to resolve the issue within 48 hours.

» REPORT BY AZANIS SHAHILA AMAN AND AMALIA AZMI ON PAGE 4

FROM NEXT WEEK

# 'BRACE FOR DIESEL SHORTAGES'

Issue stems from heightened demand, says dealers association

AZANIS SHAHILA AMAN  
AND AMALIA AZMI  
KUALA LUMPUR  
news@NST.com.my

**T**HE Petroleum Dealers Association of Malaysia (PDAM) has cautioned consumers to brace for diesel supply shortages from next week.

The warning came on the heels of Petronas Dagangan Bhd's recent disclosure that some of its stations could face diesel shortages until Sunday.

PDAM president Datuk Khairul Annuar Abdul Aziz said following Petronas Dagangan's recent disclosure of diesel supply

challenges, the industry should brace for a broader shortage with more petroleum companies expected to grapple with similar problems.

Khairul said the issue stemmed from heightened demand as the government's subsidised diesel quota to petroleum companies had been exhausted.

"The popularity of low diesel prices has led to a surge in users, creating a strain on the available supply. It is very unusual for the government's diesel quota nationwide to stock out."

"I would warn other companies of a potential industry-wide concern, as we predict that similar supply challenges may afflict more petroleum companies starting early January," he said.

Petronas Dagangan announced on Tuesday that it was facing a diesel supply issue, affecting some of its stations nationwide.

The supply problems, said the company, was expected to continue until Sunday.

This was announced by the company in



*The popularity of low diesel prices has led to a surge in users, creating a strain on available supply. FILE PIC*

a statement on its website dated Dec 26.

"Petronas Dagangan Bhd would like to inform that several Petronas stations nationwide are currently facing a diesel stock out and this issue is expected to persist until Dec 31, 2023," it said.

"We apologise for any inconvenience this may cause and wish to assure our customers that we are actively working with the relevant authorities and stakeholders to minimise the disruption."

The company, however, did not elaborate on the extent of the supply issue and how many stations were affected.

The announcement had sparked concern among consumers over a possible diesel shortage.

Government data showed that diesel use had jumped 37.7 per cent at 6.1 billion litres in 2019 to 8.4 billion litres last year.

The number of registered vehicles that use only diesel numbered 2.13 million up to last year.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry said it was taking immediate action to address the shortage.

Its minister, Datuk Armizan Moh said the ministry was in communication with Petronas and expects to resolve the issue within 24 to 48 hours.

"Supply issues with Petronas have successfully resolved. Petronas is also ensuring additional supply within next 24 to 48 hours."

"The ministry is in constant communication with Petronas, and I have personally spoken to their management in a statement yesterday."

Armizan said the issues were resolved following a discussion involving his ministry, the Finance Ministry and Petronas.

Petronas has been instructed to provide a list of petrol stations receiving additional supplies for comprehensive monitoring purposes.

"As we work to promptly resolve the issue and meet the needs of consumers in the affected areas, Petronas and the companies involved have been asked to submit a comprehensive report along with detailed documents outlining the causes of the issue."

## RESTORAN PAKISTAN JUAL MAKANAN HARGA 'MEWAH' GUNA MINYAK MASAK PEKET SUBSIDI

DUA restoran makanan Pakistan di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dikesan menggunakan barang kawalan bersubsidi, namun mengenakan harga menu 'mewah' mencecah RM20 hingga RM50.

Perbuatan pemilik dua premis tersebut yang merupakan lelaki warga Pakistan berjaya dibongkar oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam serbuan 22 Disember lalu.

13



KPDN Kuala Lumpur serbu dua restoran makanan Pakistan di Jalan Ipoh

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
KUALA LUMPUR

Dua restoran makanan Pakistan di Jalan Ipoh, di sini dikesan menggunakan barang kawalan bersubsidi dan mengenakan harga yang tinggi kepada pelanggan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan di dua restoran itu pada kira-kira jam 1 pagi, 22 Disember lalu selepas mendapat aduan dan maklumat daripada orang awam.

Menurutnya, KPDN menemui 37 kilogram (kg) minyak masak di restoran pertama, manakala 39kg barang kawalan itu ditemui di restoran kedua.

"Pemeriksaan lanjut yang dilanjutkan mendapati kedua-dua premis itu tidak mempunyai lesen atau permit barang kawalan bagi tujuan penyimpanan.

"Kedua-dua premis berkenaan disyaki melakukan kesalahan dan kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, restoran pertama juga gagal memperkenalkan tanda harga bagi serbuk teh yang dijual.

Katanya, kesalahan tersebut disiasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan pihaknya menyita keseluruhan 76 kg minyak masak dan 24 unit serbuk teh yang dianggarkan bernilai RM1,100 daripada kedua-dua premis berkenaan.

Ariffin berkata, semakan yang dilakukan mendapati kedua-dua restoran terbabit dimiliki lelaki warga Pakistan, masing-masing berusia 40-an.

"Mereka memegang status pemastautin tetap yang berkahwin dengan wanita tempatan dan menetap di negara ini sejak 20 tahun lalu," katanya.

Tambah beliau, pihaknya menahan dua pemilik premis terbabit untuk direkodkan keterangan dan mendapatkan maklumat lanjut bagi tujuan siasatan.

Selain itu tegas beliau, pihak KPDN Kuala Lumpur akan menyiasat sumber

# Harga menu 'mewah' tetapi guna barang subsidi

bekalan yang diperoleh melibatkan dua restoran makanan Pakistan itu.

Katanya, berdasarkan keterangan dua pemilik restoran terbabit, mereka memaklumkan bahawa bekalan minyak masak bersubsidi itu diperoleh daripada pemborong di ibu kota ini.

"Dua pemilik ini memberikan alasan sama apabila ditanya mengapa menggunakan bahan kawalan berkenaan iaitu tidak mengetahui bahawa ia adalah barang bersubsidi," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang mendapatkan maklumat mengenai kegiatan pemberorong yang membekalkan barang bersubsidi itu kepada peniaga terbabit.

"Adalah tidak adil kepada pengguna barang subsidi itu iaitu golongan berpendapatan rendah atau B40 tidak dapat menikmati kemudahan ini disebabkan ia diseleweng oleh pihak tidak bertanggungjawab."

"Ini kerana dua restoran ini mengenakan harga antara RM20 hingga RM50 untuk satu sajian tetapi guna minyak masak subsidi yang dijual pada harga RM2.50 sekilogram.

"Bayangkan jika kegiatan ini tidak terbongkar, mereka akan terus menggunakan kira-kira 2,000kg minyak masak subsidi sebulan yang jelas merugikan dan menjelaskan bekalan bagi golongan sasar iaitu B40," kata beliau.

Tambahnya, KPDN Kuala Lumpur memberi amaran keras kepada mana-mana pihak supaya tidak melanggar undang-undang sedia ada atau berdepan hukuman berat.

"Malah kami juga akan mempertingkatkan pemeriksaan melibatkan restoran-restoran di seluruh ibu kota, Kuala Lumpur dari semasa ke semasa.

"Selain itu, pemilik restoran juga perlu memohon permit barang kawalan bagi tujuan penyimpanan di premis restoran jika melebihi kuantiti yang disyaratkan," ujar Ariffin.

LAPORAN MUKA DEPAN



Pegawai penguat kuasa KPDN Kuala Lumpur memeriksa minyak masak yang disimpan di restoran makanan Pakistan di ibu kota.



Dua pegawai penguat kuasa KPDN Kuala Lumpur memeriksa minyak masak yang disimpan oleh pemilik restoran.



Seorang pemilik restoran yang diserbu, mengemukakan dokumen kepada pegawai KPDN Kuala Lumpur ketika serbuan pada 22 Disember lalu.



Keadaan dapur satu daripada dua restoran makanan Pakistan di Jalan Ipoh yang diserbu KPDN Kuala Lumpur pada 22 Disember lalu.

# Harga menu mahal tapi guna barang bersubsidi

Dua restoran makanan Pakistan turut dikesan simpan minyak masak tanpa permit

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin dan Suhanna Iskandar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua restoran makanan Pakistan di Jalan Ipoh, di sini, dikesan menggunakan barang kawalan bersubsidi, tetapi mengenakan harga menu 'mewah'.

Pengarah Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samudin, berkata pihaknya menjalankan pemeriksaan di dua restoran berkenaan kira-kira

jam 1 pagi, 22 Disember lalu.

"Pemeriksaan di bahagian dapur restoran pertama menemui 37 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi, manakala 39kg minyak masak bersubsidi ditemui di restoran kedua.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua restoran berkenaan tidak mempunyai sebarang lesen atau permit barang kawalan bagi tujuan penyimpanan," katanya pada sidang media di Pejabat KPDN Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Ariffin berkata, semakan dilakukan mendapati kedua-dua restoran terbabit dimiliki lelaki warga Pakistan masing-masing berusia 40-an.

"Mereka memegang status pemohon tetap yang berkawwin dengan wanita tempatan dan menetap di negara ini sejak 20 tahun lalu.

"Berdasarkan keterangan dua pemilik terbabit, mereka memak-



Ariffin bersama Ketua Seksyen Pencegahan KPDN KL, Noor Azura Mohd Sharif menunjukkan tempat minyak masak bersubsidi disimpan ketika pemeriksaan di sekitar Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

lumkan bahawa bekalan minyak masak bersubsidi itu diperoleh daripada pemborong di ibu kota ini.

"Dua pemilik ini memberikan alasan sama apabila ditanya mengapa menggunakan bahan kawalan berkenaan, iaitu tidak mengetahui bahawa ia adalah barang bersubsidi," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang mendapatkan maklumat mengenai kegiatan pemborong yang membekalkan barang bersubsidi itu kepada peniaga.

"Adalah tidak adil kepada pengguna barang subsidi itu, iaitu golongan berpendapatan rendah atau B40 tidak dapat menikmati kemudahan ini disebabkan ia diseleweng oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Ini kerana dua restoran ini

mengenakan harga antara RM20 hingga RM50 untuk satu sajian, tetapi guna minyak masak subsidi yang dijual pada harga RM2.50 sekilogram.

"Bayangkan jika kegiatan ini tidak terbongkar, mereka akan terus menggunakan kira-kira 2,000kg minyak masak subsidi sebulan yang jelas merugikan dan menjelaskan bekalan bagi golongan sasar, iaitu B40," katanya.

#### Gagal pamer tanda harga

Selain itu, katanya, restoran pertama mempunyai kedai runcit juga didapati gagal memamerkan tanda harga bagi barang dijual iaitu serbuk teh.

"Kami menyita 76kg minyak masak subsidi dan 24 serbuk teh dianggarkan berjumlah RM1,100 dalam operasi itu.

"Kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencututan 2011," katanya.

Beliau memberi amaran kepada mana-mana restoran supaya tidak menggunakan sebarang barang kawalan bersubsidi bagi mengelak dikenakan tindakan tebas.

"Kami akan menggerakkan pasukan penguat kuasa bagi menjalankan pemeriksaan terhadap restoran di ibu negara yang didapati menggunakan barang kawalan bersubsidi dalam operasi mereka.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pemilik restoran mahupun pembekal barang bersubsidi yang didapati melakukan kesalahan itu," katanya.

## Restoran Pakistan guna minyak subsidi

**KUALA LUMPUR** — Jual makanan ‘mewah’ cecah harga RM20 dan ke atas, tapi selamba menggunakan minyak masak peket bersubsidi untuk penyediaan menu masakan.

Itu tindakan dua restoran berkoncepción Pakistan di Jalan Ipoh di sini yang diserbu oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dalam satu operasi pada 22 Disember lalu.

Pengarah KPDN WPKL, Ariffin Samsudin berkata, pihaknya melaksanakan Operasi Bekalan Membanteras Penggunaan Barang Kawalan Tanpa L lesen/Permit di dua premis tersebut yang dimiliki pemilik warga Pakistan.

Menurutnya, siasatan di premis menemui 37 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi di restoran pertama, manakala pemeriksaan di restoran kedua pula menemui 39 kg minyak masak peket bersubsidi.

“Ini jumlah pada hari tersebut dan biarpun nampak kecil, tapi kita yakin setiap hari restoran itu mungkin menggunakan volum yang sama atau lebih. Jadi tidak adil kepada pengguna yang sepatutnya menikmati minyak masak subsidi tersebut.

“Makanan dijual bukan menu murah, tapi mereka menggunakan barang bersubsidi untuk penyediaan makanan. Hasil pemeriksaan lanjut juga mendapati kedua-dua premis tidak mempunyai sebarang lesen atau permit barang kawalan bagi tujuan penyimpanan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya sidang menyiasat sumber bekalan minyak masak peket bersubsidi yang diperolehi kedua-dua premis tersebut.

“Untuk restoran pertama, belum dinyatakan dengan jelas di mana mereka membeli minyak masak tersebut. Restoran kedua pula menyatakan tempat di mana dan pembeliannya adalah bersyarat.

“Pemeriksaan di restoran pertama juga mendapati premis berkenaan gagal memperkan tanda harga bagi barang yang dijual iaitu serbuk teh dan premis ditakluk telah melakukan kesalahan serta akan disiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan 2011,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Ariffin berkata, pihaknya menyita 76 kg minyak masak dan 24 unit serbuk teh dianggarkan berjumlah RM1,100 melibatkan rampasan bagi kedua-dua premis berkenaan.



ARIFFIN menunjukkan gambar rampasan minyak peket bersubsidi di restoran dimiliki warga Pakistan pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

## Pemandu lori mengaku tidak miliki 24,676 liter diesel

**SUNGAI PETANI** — Seorang pemandu lori mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual iaitu 24,676 liter diesel tanpa lesen sah, tahun lalu.

Tertuduh, G. Chandrakumar, 46, membuat pengakuan

tersebut sebaik sahaja pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Azman Abu Hassan.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa ada dalam milikannya barang kawalan tersebut yang disimpan di dalam sebuah premis di Kawasan Peru-

sahaan Pinang Emas, di sini kira-kira pukul 1.13 tengah hari pada 4 Oktober 2022.

Perbuatan tertuduh itu didakwa dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah untuk melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan

dengan barang kawalan secara borong tanpa lesen.

Pendakwaan dilakukan di bawah Seksyen 21(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi

tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau seterusnya boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 5 Februari depan.

## Harga mahal tapi guna barang kawalan subsidi

**Kuala Lumpur:** Harga menu mewah, tetapi menyediakan makanan dengan menggunakan barang kawalan bersubsidi. Itu telah digunakan dua restoran berkonsepkan Pakistan di Jalan Ipoh, di sini, untuk mengaut keuntungan.

Pengarah Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, kegiatan itu terbongkar apabila pihaknya menjalankan pemeriksaan di dua restoran berkenaan jam 1 pagi pada 22 Disember lalu.

"Pemeriksaan di bahagian dapur restoran pertama menemui 37 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi manakala 39kg minyak masak bersubsidi ditemui di restoran kedua.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua restoran berkenaan tidak mempunyai sebarang lesen atau permit barang kawalan bagi tujuan penyimpanan," katanya pada sidang media di Pejabat KPDN Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Ariffin berkata, semakan dilakukan mendapati kedua-dua restoran terbabit dimiliki lelaki warga Pakis-



ARIFFIN menunjukkan lokasi operasi minyak masak bersubsidi dilakukan di sekitar Kuala Lumpur pada sidang media di Pejabat KPDN Kuala Lumpur.

tan masing-masing berusia 40-an.

"Mereka memegang status pemastautin tetap yang berkahwin dengan wanita tempatan dan menetap di negara ini sejak 20 tahun lalu.

Berdasarkan keterangan dua pemilik terbabit, mereka memaklumkan bekalan minyak masak bersubsidi itu diperoleh daripada

pemborong di ibu kota ini.

"Dua pemilik ini memberikan alasan sama apabila ditanya mengapa menggunakan bahan kawalan berkenaan iaitu mereka tidak mengetahui bahawa ia adalah barang bersubsidi," katanya.

Katanya, pihaknya sedang mendapatkan maklumat mengenai kegiatan pemborong yang membe-

kalkan barang bersubsidi itu kepada peniaga terbaik.

"Adalah tidak adil kepada pengguna barang subsidi iaitu golongan berpendapatan rendah atau B40 tidak dapat menikmati kemudahan ini disebabkan ia diseleweng oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Ini kerana dua restoran ini menyediakan makanan

'kasta tinggi' dan mewah dengan mengenakan harga antara RM20 hingga RM50 untuk satu sajian, tetapi guna minyak masak subsidi yang dijual pada harga RM2.50 sekilogram.

"Bayangkan jika kegiatan ini tidak terbongkar, mereka akan terus menggunakan 2,000kg minyak masak subsidi sebulan yang jelas merugikan dan menjadikan bekalan bagi golongan sasar iaitu B40," katanya.

Selain itu, katanya, restoran pertama yang mempunyai kedai runcit juga didapati gagal memperkenan tanda harga bagi barang dijual iaitu serbuk teh.

"Kami menyita 76kg minyak masak subsidi dan 24 serbuk teh dianggarkan berjumlah RM1,100 dalam operasi itu.

"Kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

Beliau memberi amaran kepada mana-mana restoran supaya tidak menggunakan sebarang barang kawalan bersubsidi bagi mengelak dikenakan tindakan tegas.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: KHAMIS  
TARIKH: 28/12/2023  
M/SURAT: 22

**ISU DAKWAAN PELANGGARAN PENETAPAN HARGA**

**Cabar keputusan MyCC kenakan penalti RM70.02 juta**

**Kuala Lumpur:** Malayan Flour Mills Bhd dan syarikat usaha samanya, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, berunding dengan penasihat undang-undang luar mereka untuk mencabar keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang me-

ngenakan penalti RM70.02 juta atas dakwaan pelanggaran penetapan harga.

Kedua-dua syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, kelmarin, berkata, penemuan pelanggaran oleh MyCC itu adalah tanpa merit.

"Malayan Flour dan Din-

dings Poultry akan mengambil tindakan yang perlu dan sewajarnya untuk merayu keputusan itu dan memohon penangguhan keputusan itu untuk semestara waktu," katanya.

Pada 22 Disember lepas, MyCC berkata, ia mengekan penalti hampir

RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dengan membentuk kartel penetapan harga bagi makanan ayam.

"Syarikat berkenaan ialah Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd, FFM Bhd,

Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd," katanya.

Suruhanjaya itu berkata, penyiasatannya menemui bukti kenaikan harga makanan ayam yang sama da-

lam kalangan pihak-pihak berkenaan dari Januari 2020 hingga Jun 2022, sebagai tambahan kepada penemuan bahawa lima syarikat itu menggunakan strategi untuk mencipta ilusi kenaikan kos makanan ayam akibat kenaikan kos bahan mentah.

# Bongkar taktik kartel kahwin 4

Bertujuan jadi proksi untuk bolot projek

KUALA LUMPUR

**L**ebih 500 syarikat kini berada di dalam 'radar' Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana dipercayai membentuk 'kartel' untuk membida tender projek kerajaan.

Antara modus operandinya ialah ada pemilik syarikat sanggup berkahwin empat untuk membina empayar sendiri yang membolehkan mereka menggunakan nama isteri dan saudara-mara yang dipercayai sebagai proksi.

Memetik laporan Awani, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, syarikat-syarikat terbabit dikesan cuba memanipulasi tawaran tender.

"Antara modus operandi ialah mereka ini berkomplot atau bersetengah antara satu sama lain dan menyerahkan tender secara beramai-ramai (sebagai contoh) 50 syarikat sekali (hantar bidaan tender).

"Selepas itu mereka isi borang sama-sama, pergi lawatan tapak bersama. Kalau surat itu ada salah ejaan, semua borang akan salah ejaan sebab menggunakan pencetak yang sama.

"Jadi mereka ini akan 'menentukan' siapa pemenangnya (dengan berpakaat harga tender) dan seterusnya mengagihkan sesama sendiri seolah-olah tender kerajaan itu 'harta' mereka," katanya dalam temu bual program Niaga AWANI bertajuk



ISKANDAR

Jangan Duga Taring MyCC pada Rabu.

Mengenai tindakan pemilik syarikat berkahwin ramai, Iskandar mendedahkan ia adalah antara kaedah digunakan mereka untuk memperbanyak bilangan syarikat yang sebenarnya hanya berperanan sebagai proksi.

"Ada (pemilik syarikat) yang kahwin empat supaya mereka boleh membina satu empayar syarikat di mana syarikat A akan dipegang oleh bapa mentua pertama, syarikat B dipegang bapa mentua kedua, syarikat C pula milik adik ipar, syarikat D pula dipegang anak saudara, syarikat lain pula isteri-isteri pegang.

"Ini seolah-olah mencipta satu empayar dengan 50 syarikat (contohnya) membida secara bersama," ujarnya.

Tegas beliau, kerajaan membuka tawaran tender kepada pihak berkelayakan dengan tujuan mendapatkan syarikat yang terbaik yang mampu menawarkan perkhidmatan berkualiti dengan harga yang munasabah dan kompetitif.

Namun, tindakan syarikat terbabit hanya menghasilkan ilusi seolah-olah tawaran harga mereka adalah terbaik, sehingga menjelaskan peluang syarikat lain yang benar-benar berkemampuan.

Beliau menegaskan, Selain tipuan bida kontrak kerajaan, pihaknya turut memantau aktiviti melibatkan kartel syarikat berkaitan bekalan makanan dan pertanian.

Bagaimanapun beliau mengakui berdepan kekangan kerana proses siasatan mungkin mengambil masa lebih lama ekoran pihaknya perlu mengumpul bukti-bukti yang kukuh sebelum dikemukakan kepada anggota suruhanjaya.

# Bila tindakan ke atas kartel beras pula?

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Para pesawah mempersoal bila kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap kartel-kartel yang dikatakan menguasai 80 peratus pasaran beras negara itu yang menyaksikan masalah ketiadaan beras bekalan beras tempatan sebelum-sebelum ini.

Tindakan setegar-setegarnya perlu dilakukan terhadap kartel beras dan padi ini sama seperti tindakan yang dikenakan terhadap syarikat yang didakwa membentuk kartel bagi memanipulasi harga ayam dan telur di negara ini baru-baru ini, sekali gus bakal memberi peringatan dan pengajaran kepada mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, ketiadaan beras tempatan berpunca daripada kartel atau kilang-kilang besar ini termasuk didakwa mencampur beras tempatan dan beras import bagi mengaut lebih keuntungan.

Berpakat tetapan harga, beri kesan kepada pasaran

## Kartel makanan ayam didenda RM415 juta

DR MARY AMRAN AHMED,  
Ketua Pegawai Eksekutif Utusan Malaysia

**PETALING JAYA:** Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd., FFM Berhad (FFM), Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd., Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd., Cheras Agro-Industri Products (M) Sdn. Bhd. (PAI), Agro-Plus Poultry Sdn. Bhd. MyCC, Bolemar Sdn. Bhd.

Syarikat-syarikat tersebut di bawah kelulusan Minit Kesyuruhiman dan Perdagangan pada 2010 telah dituntut untuk membayar sejumlah RM415.5 juta sebagai denda sebab melanggar peraturan beras tetapan harga bersama-sama dengan lima syarikat lainnya. Selain itu, mereka juga diminta membayar sisa denda sebanyak RM157 juta.

UTUSAN  
Malaysia  
23 Disember  
2023.

Malah katanya, kartel-kartel tersebut juga selalu bermain harga belian padi dengan sebelum ini mereka membeli padi dengan harga RM1,700 bagi satu tan metrik hasil namun dalam masa beberapa minggu sahaja selepas itu turun kepada RM1,300 sekali gus memberi kesan kepada para pesawah.

Ujarnya, isu ketiadaan beras tempatan di pasaran sebelum ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan pengeluaran beras tempatan adalah lebih 60

peratus.

"Tindakan tegas terhadap kartel-kartel beras ini sepatutnya dilakukan sejak dahulu lagi kerana mereka sudah selesa menguasai pasaran beras di negara ini."

"Tidak boleh ada lagi kompromi terhadap kartel beras ini sama seperti kartel-kartel ayam yang telah dikenakan tindakan," katanya yang mengusahakan tanaman padi sejak lebih 40 tahun lalu.

Baru-baru ini, *Utusan Ma-*

*laysia* melaporkan, lima syarikat yang membentuk 'kartel makanan ayam' untuk tujuan menetapkan harga, sekali gus membawa kesan kepada harga beras di pasaran dikenakan denda sebanyak RM415.5 juta oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Syarikat-syarikat tersebut adalah Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd. (Leong Hup), FFM Berhad (FFM), Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd. (Gold Coin), Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd. (Dindings) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (PK Agro).

Denda terbesar dikenakan terhadap Leong Hup iaitu sebanyak RM157 juta, diikuti Gold Coin (RM97.5 juta), Dindings (RM70 juta), PK Agro (RM47.8 juta) dan FFM (RM42.6 juta).

Sebelum ini, Pengerusi Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman juga pernah mendedahkan, pengilang mula menurunkan harga padi disebabkan permainan harga oleh kartel-kartel yang menguasai 80 peratus pasaran beras negara.

Dakwa Marzukhi, syarikat-syarikat berkenaan bukan sahaja mempunyai kilang-kilang beras tetapi merangkumi syarikat pemborong dan pembungkuhan beras sendiri yang bermain harga di sebalik kenaikan harga beras import.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban pula berkata, ketiadaan bahan beras tempatan didakwa berpuncak daripada permainan kartel-kartel ini.

Katanya, ia bukan perkara baru dengan kerajaan perlu segera mengenakan tindakan tegas kepada pihak tidak bertanggungjawab ini demi kepentingan pesawah di negara ini.

"Masalah ketiadaan beras tempatan Insya-Allah boleh selesai jika kartel-kartel ini dikenakan tindakan tegas sekali gus memberi peringatan kepada mereka. Jika tidak masalah sama akan terus berulang.

"Dalam masa sama, bagi mengatasi masalah ini dalam jangka masa panjang, kerajaan juga perlu mewujudkan agensi bagi menguruskan perkara berkaitan padi ini," katanya.